



**UNIT PELESENAN
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN**

**NO TELEFON : 04-9183300 (SAMBUNGAN 309)
NO FAKS: 04-9174057**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT IKLAN SEMENTARA
(KAIN RENTANG DAN BANTING)**

1. Saiz yang dibenarkan
 - 1.1 Kain rentang = **10 kaki x 4 kaki**
 - 1.2 Banting = **6 kaki x 2 kaki**
2. Caj bayaran
 - 2.1 Caj bayaran yang dikenakan adalah **RM 20.00 / unit** bagi tempoh **satu (1) bulan** pemasangan
 - 2.2 Caj pertaruhan iklan dikenakan sebanyak RM 10.00 / unit bagi (kain rentang/banting)
3. Syarat permohonan
 - 3.1 Pemohon dikehendaki membawa **salinan lakaran iklan** kain rentang / banting untuk tujuan semakan pejabat
 - 3.2 Paparan iklan hendaklah mengutamakan **Bahasa Kebangsaan** (Bahasa Melayu)
4. Syarat pemasangan:
 - 4.1 Lokasi pemasangan kain rentang adalah di 'banner stand" milik Majlis iaitu:
 - 4.1.1 Pekan Jitra (Hadapan Mini Stadium MDKP)
 - 4.1.2 Pekan Jitra (Hadapan Rumah Kedai Taman Ihsan – bertentangan Maybank)
 - 4.1.3 Jalan Tok Keramat (Berhadapan Masjid Tanjung Pauh)
 - 4.1.4 Tapak Pasar Sehari Taman Seri Aman
 - 4.1.5 Bandar Darulaman (Simpang lampu isyarat ke Jalan Wang Tepus)
 - 4.1.6 Bandar Darulaman (Simpang lampu isyarat ke Lubuk Kawah)
 - 4.1.7 Pekan Padang Sera
 - 4.1.8 Pekan Kodiang (Simpang lampu isyarat ke Arau, Perlis)
 - 4.1.9 Simpang Tiga Kemboja, Ayer Hitam
 - 4.1.10 Pekan Ayer Hitam
 - 4.2 Lokasi pemasangan banting iaitu:
 - 4.2.1 Di tiang-tiang lampu jalan di bawah penyelenggaraan JKR dan PLUS (perlu mendapat kelulusan jabatan yang terlibat terlebih dahulu)
 - 4.2.2 Pemasangan di tiang lampu yang berdekatan lampu isyarat perlu dijarakkan dari satu tiang lampu isyarat (bermula dari tiang ketiga lampu isyarat)

5. Syarat-syarat tambahan kelulusan kain rentang dan banting
 - 5.1 Lokasi yang tidak dibenarkan bagi pemasangan kain rentang dan banting adalah :
 - 5.1.1 Di persimpangan jalan-jalan utama, taman perumahan, jabatan kerajaan, hospital, sekolah dan lain-lain
 - 5.1.2 Sekitar lampu isyarat
 - 5.1.3 Pokok-pokok
 - 5.1.4 Jejantas
 - 5.1.5 Pagar jabatan kerajaan
 - 5.2 **Tidak menghalang** pandangan lalulintas dan pergerakan awam
 - 5.3 Dalam tempoh pemasangan pihak terlibat perlu memastikan kain rentang dan banting berada dalam keadaan baik, tidak tertanggal dan lain-lain
 - 5.4 Adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya pemohon untuk menurunkan / menanggalkan serta merta apabila tempoh kelulusan telah tamat

6. Tuntutan balik wang pertaruhan
 - 6.1 Tuntutan balik wang pertaruhan hendaklah dilakukan dalam tempoh **tujuh (7) hari** bekerja selepas tamat tempoh kelulusan
 - 6.2 Pihak syarikat dikehendaki mengisi borang permohonan wang pertaruhan iklan yang disediakan oleh Majlis ini dengan menyertakan dokumen lampiran seperti berikut:
 - 6.2.1 Salinan visual iklan yang dipasang
 - 6.2.2 Resit Kew.38 (Resit asal bayaran wang pertaruhan iklan)
 - 6.2.3 Gambar bukti kerja-kerja penurunan/penanggalkan keseluruhan iklan yang dipasang

 - 6.3 Wang pertaruhan iklan tidak akan dikembalikan sekiranya:
 - 6.3.1 Pemohon gagal mengemukakan sebarang tuntutan di Majlis ini dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas tamat tempoh kelulusan iklan
 - 6.3.2 Pemohon gagal menyertakan dokumen lampiran seperti yang tersebut di atas sewaktu mengemukakan borang tuntutan wang pertaruhan
 - 6.3.3 Pemohon gagal menanggalkan kain rentang/banting apabila tamat tempoh kelulusan
 - 6.3.4 Pemohon gagal mengawasi kain rentang/banting dalam keadaan baik sepanjang tempoh kelulusan sehingga menimbulkan sebarang kacau-ganggu kepada awam
 - 6.3.5 Pemohon memasang kain rentang/banting di kawasan yang dilarang

7. Menurut kuasa di bawah Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kubang Pasu) 2010, jika didapati pihak terlibat gagal mematuhi syarat seperti yang telah ditetapkan, Majlis akan mengambil tindakan **menanggalkan / menurunkan kain rentang atau banting tanpa sebarang notis** atau pihak terlibat boleh **dikenakan kompaun**.